



PROCEEDINGS

ISHC

2ND INTERNATIONAL ISLAMIC HERITAGE

2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

CONFERENCE 2017

المؤتمر الدولي الثاني للتراث الاسلامي

"STRENGTHENING KNOWLEDGE, EMPOWERING ACHIEVEMENT"

EDITORS

MOHD FAIZAL P.RAMELI
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK
MUHAMMAD TAUFIK MD SHARIPP
MOHD ZAID MUSTAFAR
MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
RAWI NORDIN
S. SALAHUDIN SUYURNO
DZIAUDDIN SHARIF

**PROCEEDING OF 2ND INTERNATIONAL
ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE
(ISHEC 2017)**



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

PROCEEDING OF 2ND INTERNATIONAL ISLAMIC HERITAGE CONFERENCE (ISHEC 2017)

Editors

MOHD FAIZAL P. RAMELI
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK
MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP

MOHD ZAID MUSTAFAR

MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
RAWI NORDIN

S. SALAHUDIN SUYURNO

DZIAUDDIN SHARIF

Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS),
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka
Alor Gajah • 2017

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2017
Hak Cipta / *Copyright* Penerbit ACIS, UiTM Cawangan Melaka

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada ACIS, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from ACIS, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA,
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,
MELAKA, MALAYSIA
Tel: +606 558 2303, 2305

Atur huruf oleh / *Typeset by*
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK, MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP,
MOHD ZAID MUSTAFAR & MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
Mel-e: qayyumfpi@yahoo.co.uk

Reka bentuk kulit oleh
Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz
Mel-e: nizamiyah86@gmail.com

ISBN:

Table of Contents

<i>Foreword</i>	7
<i>Preface</i>	9

HISTORIOGRAPHY AND ISLAMIC THOUGHT

Genre Historiografi Ibn al-Athir <i>Norsaeidah Jamaludin, Abdul Qayuum Abdul Razak, Nor Adina Abdul Kadir & Mariam Farhana Md Nasir ...</i>	3
Kajian Literatur Istilah 'Umrn Ibn Khaldun <i>Abdul Qayuum Abdul Razak & S.Salahudin Suyurno ...</i>	13
Metodologi Penulisan Isu Kenabian menurut Badiuzzaman Said Nursi dalam Kitab <i>Rasail al-Nur</i> <i>Muaz Mohd Noor, S.Salahudin Suyurno, Nor Adina Abdul Kadir, Abdul Qayuum Abdul Razak & Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz ...</i>	21
Metodologi Penulisan Syed Qutb dalam Kitab <i>Fi Zilal al-Quran</i> <i>Halipah Hamzah & Noormala Rabu ...</i>	35
Sejarah Pengajian Pondok dan Tokoh Ulama: Kajian di Daerah Besut, Terengganu Darul Iman <i>Mohd Zainodin Mustaffa, Emie Sylviana Mohd Zahid, Nur Farhana Mohd Daud, Mahasin Saja@Mearaj, Mohd Asyadi Redzuan & Mohamad Zaki Razaly ...</i>	47
Mekah Pusat Dunia: Hubungan dengan Brunei <i>Muhammad Hadi Muhammad Melayong ...</i>	55
Peranan Sufi dalam Penyebaran Islam di Nusantara <i>H Sumanta MA & Hajam M.Ag ...</i>	63
Ngaji Kitab bersama Para Kiai Cirebon 'Memaknai Jihad Islam' untuk Meraih Sukma Pancasila <i>Siti Fatimah M.Hum ...</i>	75
Jender dalam Perspektif Nasaruddin Umar <i>H Jamali Sahrodi MA & Amin Maulana ...</i>	101

Madrasah Menggapai Mutu
H Maksum MA ... 117

Pendekatan Kajian Orientalis terhadap Islam: Satu Sorotan Awal
Mohd Farhan Abd Rahman & Muhamad Azrul Azwan ... 125

ZA'BA, Melayu dan Kolonialisme Inggeris
Noor Aziera Mohamad Rohana, Nurul Asma Mazlan, Noraini Abd Muaziz & Ermy Azziaty Rozali ...137

Budaya Berfikir Kritis Islam sebagai Pendekatan dalam Mengukuhkan Jatidiri Masyarakat Melayu Kini
Norafifah Ab Hamid, Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man & Siti Nurul Izza Hashim ... 151

Kepentingan Kepercayaan Konsep Ilmu dalam Pembentukan Pandangan Alam
Mahfuzah Mohammed Zabidi & Rohaya Sulaiman... 167

HISTORIOGRAPHY AND ISLAMIC HERITAGE

Penentuan Tarikh Perkahwinan Rasulullah SAW berdasarkan Pengiraan Takwim Hijri terkini
Nur Jannah Ballazi, Hamidah Jalani, Norsaeidah Jamaludin, Sarah Dina Mohd Adnan & Nang Naemah Nik Dahalan ... 180

Konsep Kepimpinan Melayu Islam di Nusantara Menurut Teks *Bustan al-Salatin*
Shah Rul Anuar Nordin ... 188

Prasasti Terengganu: Kepentingannya dalam Sejarah Tamadun Islam Alam Melayu
Nor Adina Abdul Kadir, Nang Naemah Nik Dahalan, Norsaeidah Jamaludin, Abdul Qayyum Abdul Razak & Khairul Nizam Abdul Aziz ... 199

Kelangsungan Budaya Masyarakat Chetti Melaka Era Globalisasi
Siti Nurul Izza Hashim, Norafifah Ab Hamid, Rawi Nordin, Nor Rafedah Mohsan & Muhammad Faiz Mohd Fadzil ... 209

Sejarah dan Implementasi Dekorasi Cina dalam Pembinaan Masjid Terawal di Malaysia
Nor Adina Abdul Kadir, S.Salahudin Suyurno, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris & Muaz Mohd Noor ... 223

ISLAMIC LITERATURE AND ART

Keindahan Konsep Tauhid dalam Rekabentuk Motif-motif Seni Tradisi Melayu
Shaliza Dasuki, Azahar Harun, Liza Marziana Mohammad Noh, Nur Hasliza Abdullah, Nurkhozilah Idris & Fazlina Mohd Radzi ... 239

Identifying A Lotus Motif Transformation on The Melaka Traditional Mosque's Roof Crown in 1720-1950
Raziq Abdul Samat, Sharifah Shaari, Dona Lowii Madon, Meor Hasmadi Meor Hamzah & Nor Fariza Baharuddin ... 255

Potensi Seni Iluminasi al-Qur'an Mushaf Malaysia
Nik Narimah Nik Abdullah, Mohd Hisham Johari, Ayob Wahid, Zahara Ramli, Muhamad Fauzi Harun, Anith Liyana Amin Nudin & Mohd Amin Mohd Noh... 263

أثر التراث العربي الإسلامي في الرسم الأوروبي الحديث
شكيبيا مصطفى الشرنقية & محمود حسين عبد الرحمن ... 281

Notes on the Ibadi Religious Architecture: A Comparative Study of the Mosques in Mزاب, Djerba and Oman
Naima Benkari ... 301

Contemporary Telekung in Malaysia it's Challenges and Realities
Norzaleha Zainun, Jamiaah Abdul Holed & Zolina Mohamad ... 317

The Development of Character Category in Jawi Typography-An Implementation in Typography Course in UiTM
Intan Nur Firdaus Muhammad fuad, Sharifah Raudzah S. Mahadi & Ahmad Khairul Azizi Ahmad ... 333

Art Photography: Ideation and Influences of Islamic Geometric Patterns
Azmil Aswad Che Mat, Aidah Alias & Farihan Zahari ... 345

The Reading of Tajwid in Surah Yaasin for Red-Green Colour Vision Deficiencies
Siti Sarah Adam Wan, Azahar Harun, Nur Hasliza Abdulah & Shaliza Dasuki ... 357

POLITICS AND GOVERNANCE

Peranan Sultan Abu al-Hasan 'Ali al-Marini dalam Kerajaan Banu Marin di Fas, al-Maghrib (1331-1351M)

Mariam Farhana Md Nasir, Sarah Dina Mohd Adnan, Noorfazreen Mohd Aris, Hamidah Jalani & Muhammad Taufik Md Sharipp ... 365

Sejarah Institusi Ketenteraan di Malaysia dan Sumbangan kepada Kelangsungan Ketamadunan
Burhanuddin Jalal, Sayuti Ab Ghani, Amnah Saayah & Redwan Yasin ... 380

Perspektif Kitab Quran terhadap Bidang Pengurusan Rekod
Ahmad Azman Mohamad Ramli, Azmi Ab Rahman, Kasmarini Baharuddin, Mohd Naim Mohd Nasfi, Mohd Ridzuan Ibrahim & Abd Rashid Abd Rahman ... 397

ISLAMIC ECONOMICS AND BUSSINES MANAGEMENT

Etika Pengurusan Sumber Manusia bagi Muslimpreneurs dalam Perniagaan Berskala Kecil
Mohd Faizal P.Rameli, Suhaida Mohd. Amin, Dziauddin Sharif, Norajila Che Man & Noorfazreen Mohd Aris ... 413

Paradigma Tauhid dalam Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
Norajila Che Man, Muhammad Rahimi Osman & Mohd Faizal P.Rameli ... 427

Wasatiyyah sebagai Asas Pembuatan Keputusan Pelabur Muslim
Noor Hasyimah Sulaiman, Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Che Zuina Ismail, Azarudin Awang & Rubiah Abu Bakar ... 445

Penilaian Pakar dalam Model Konseptual Penggunaan Berhierarki Islam
Basri Abd. Ghani & Ahmad Azrin Adnan ... 453

The Need to Work by Educated Muslim Women in Malaysia
Suhaida Mohd. Amin & Mohd Faizal P.Rameli ... 461

The Impact of Macroeconomic Variables on FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah Index
Siti Nurulhuda Ibrahim, Zuraini Abdul Hamid, Amirudin Mohd Nor, Fahmi Abdul Rahim & Noraznira Abd Razak ... 469

Multimodal Analysis on Muslimah Cosmetic Billboards
Nor Atifah Mohamad, S. Salahudin Suyurno, Sumarni Maulan & Nazarul Azali Razali ... 489

Determinants of Electronic Commerce Adoption: Case Study Among Small and Medium Enterprise (SME) in Klang Valley

Nur Atiqah Zainuddin, Maymunah Ismail, Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, Sharina Sharif, Maz Izuan Mazalan & Mohd Sufian Ab Kadir ... 501

Halal vs Non-Halal Cosmetic: Positioning in Malaysian Market
Azahar Harun, Roszi Naszariah Nasni Naseri, Nur Hazwani, Zolkifly & Mastura Ayob ... 513

Total Quality Management and Halal Certification of Food Product in Malaysia
Rizuwan Abu Karim, Nurazree Mahmud, Helmy Fadlisham Abu Hasan & Juan Rizal Sa'ari ... 519

Pemantauan dan Penguatkuasaan Halal terhadap Produk Makanan Import oleh JAKIM
Mohd Zaid Daud, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Nurzahidah Jaafar & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah ... 527

WAQF DEVELOPMENT IN MALAYSIA

Elemen Kekal Harta Wakaf: Analisis menurut Fuqaha dan Undang-undang di Malaysia
Che Zuina Ismail, Azarudin Awang, Rubiah Abu Bakar, Noor Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 549

Sejarah Universiti al-Azhar sebagai Model Institusi Pendidikan Wakaf Terulung
Mohd. Ali Muhamad Don ... 565

Pembangunan Tanah Wakaf Melalui Inovasi Istibdal
Che Zuina Ismail, Rubiah Abu Bakar, Azarudin Awang, Noor Hasyimah Sulaiman & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 575

Pembangunan Wakaf Kesihatan: Model Operasi dan Pengurusan Hospital Waqaf An-Nur (HWAN)
Norizah Mohamed @ Daud, Noorfazreen Mohd Aris, Sharipah Amirah Abas & Noraini Abd Muaziz ... 587

Urus Tadbir Hartanah Wakaf Melaka: Strategi Penambahbaikan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
Norajila Che Man, Rawi Nordin, Norafifah Ab Hamid & Nor Azlina Abd Wahab ... 601

Aktiviti Pembangunan Saham Wakaf di Johor
Nurfarhana Mohd Daud, Emie Sylviana Mohd Zahid, Mohd Zainodin Mustaffa, Munirah Zakaria & Aflah Isa ... 613

CONTEMPORARY ISSUE OF ZAKAT IN MALAYSIA

Penetapan Had Kifayah Zakat Pelajar di UiTM: Satu Keperluan
Baharuddin Sayin, Azri Bhari, Mohd Afandi Mat Rani & Muhammad Nor Aman Jamaluddin ... 625

Profil Asnaf Zakat di Kalangan Pelajar UiTM Melaka Kampus Bandaraya
Nor Rafedah Mohsan, Dziauddin Sharif, Norafifah Ab Hamid, Siti Nurul Izza, Hashim & Rizuan Abu Karim ... 635

Pengambilan Hukum Uruf dalam Zakat Emas Perhiasan Negeri-negeri di Utara Malaysia
Noraini Saro & Rawi Nordin ... 643

Aktiviti Pembangunan Spiritual Bagi Asnaf Zakat Fakir dan Miskin di Selangor
Emie Sylviana Mohd Zahid, Mohd Zainodin Mustaffa, Nurfarhana Mohd Daud & Mahasin Saja@Mearaj ... 651

ISLAMIC PHILANTHROPY AND HOSPITALITY

Crowdfunding: A New Phenomenon of Philanthropic Method
Nurzahidah Jaafar, Siti Noorbiah Md Rejab, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Mohd Zaid Daud & Mazni Natasha Mohd Nasir ... 675

Corporate Philanthropy as A Corporate Social Responsibility Component: An Islamic Perspective
Wan Noor Hazlina Wan Jusoh, Che Zuina Ismail, Noor Hasyimah Sulaiman & Azarudin Awang ... 687

Travel Patterns of People with Physical Disabilities in Attractions Sector of Selangor's Tourism Industry
Nurul Fatin Nabila Md Nafiah Intan Farhana Abd.Karim, Nurul Zamratul Asyikin Ahmad, Sharina Shariff, Mohd Sufian Ab Kadir & Maz Izuan Mazalan ... 695

MANAGEMENT IN ISLAMIC PERSPECTIVE

Siapakah yang Sayang: Pengurusan Gerontologi Kajian di Rumah Amal Baitul Rahmah, Rawang

Nurzahidah Jaafar, Suliah Mohd Aris, Fadhilah Adibah Ismail, Rafeah Saidon & Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah.... 711

An Insight into The Islamic Manufacturing Practices (IMP)

Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Mohd Zaid Daud, Nurzahidah Jaapar & Thuraya Ahmad ... 723

Shariah Risk Profiling Through Shariah Based Business Modelling: A Rectification Plan for Shariah Audit Finding (SNCR-01) for Company XYZ

Mohd Helmi Ahmad & Najahuddin Lateh ... 737

Qualitative Characteristics Accounting Information of Kariah Mosque: A Concept Paper

Masita Hassan, Salina Abdullah, Rahayu Mohd Sihat & Norlinda Tendot Abu Bakar ... 749

Sulh Approach in The Education Loan's Repayment: The Study on Education Loan of The National Higher Education Fund Corporation (PTPTN)

Dziauddin Sharif, Norajila Che Man, Zainab Mohd Zain, Nasif Sidquee Pauzi & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah ... 757

Assessing Managers' Perception towards Fitness: Examining A Few Procedures and Steps

Saidin Wan Ismail & Norzaidi Mohd. Daud... 765

CONTEMPORARY ISSUES IN ISLAMIC JURISPRUDENCE

Ta'liq Talak: Antara Peruntukan Perundangan dan Amalan di Melaka

Noormala Rabu, Halipah Hamzah, Mohd Fauzi Md Isa & Zainal Fikri Zamzuri ... 791

Dilema Hak Suami Pasca Penceraian: Suatu Penelitian Awal di Malaysia

Mohd Ab Malek Md Shah, Zunaidah Ab Hasan, Sulaiman Mahzan, Marziana Abd Malib, Akmal Adanan & Mohamad Daim Darson ... 799

Penjagaan Akal Menurut Perspektif Islam dalam Konteks Maqasid Syariah

Fadhilah Adibah Ismail, Sharifah Fadylawaty Syed Abdullah, Kamariah Yusoff, Azizah Zakaria & Norsalwati Sabtu ... 809

Maqasid Syariah dalam Pelancongan

Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Rawi Nordin, Mohamad Shafiei Ayub & Mohd Zaid Mustafar ... 817

Pengurusan Harta Menurut Islam: Analisa Menurut Perspektif Maqasid Syariah
Nor Azlina Abd Wahab, Norajila Che Man, Norafifah Ab Hamid & Rawi Nordin ... 835

علم الفروق الأصولية: منهجية تجديدية في تأليف علم الأصول
(The Science of Usuli Nuances: a Renewal Method of Writing in Usul al-Fiqh)
...847 مصطفى بن محمد جبري شمس الدين

The Wisdom of Polygamy in Islam: The Law and Customary Practice in
Afghanistan
Nasir Ahmad Yousefi... 865

Pendekatan Fuqaha dalam Memahami Illah Riba bagi Emas dan Perak
Mohd Asyadi Redzuan, Mohamad Zaki Razaly, Mohd Zainodin Mustaffa & Siti Noor Ain Aziz ... 879

CONTEMPORARY ISSUES OF DAKWAH IN MALAYSIA

Konsep Amar Makruf Nahi Mungkar dalam Kerangka Dakwah Islam
Razali Musa, Wan Hishamudin Wan Jusoh, Mohd Shahril Othman, Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Mohd Safri Ali ... 889

Pengurusan Akidah di Malaysia Secara Berorganisasi: Satu Tinjauan Awal
Tentang Jalinan antara Institusi Islam Kerajaan Pusat dan Negeri di Malaysia
Sophian Rambli & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi ... 895

Toleransi Agama dalam Kehidupan Komuniti Muslim Baharu: Tinjauan dari
Aspek Cabaran
Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Azman Che Mat & Rubiah Abu Bakar ... 901

Kartun Bertemakan Dakwah Islamiyah Atas Talian: Interpretasi Dakwah
Sarkastik Dan Satira
Fazlina Mohd Radzi & Azahar Harun ... 909

The Correlation Between Salah (Prayers) and Students' Academic Performance
Che Haslina Abdullah, Mahanim Omar, Raja Rosila Raja Berahim, Nur Afiqah Ab Latif & Che Nooryohana Zulkifli... 921

Peranan Laman Facebook dalam Penyampaian Maklumat Pengurusan Pusaka
Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Hafizie Suhaimi & Nasrul Hisyam Nor Muhamad... 931

Muslims in South Korea: The Way of Life

*Mahsuri Khalid, Ashirah Fatimah Mohd, Nurauni Aqilah Mohd Khir,
Nur Nabila Mazlan, Nur Farhanah Mahamad Halid & Noraini Jamal... 943*

Kajian Awal Tahap Kesukarelawan di Kalangan Rakyat Johor, Malaysia

*Nik Rozilaini Wan Mohamed, Abdul Rasid Abdul Razzaq, Rohayu Roddin & Nor
Asikin Shaharuddin... 963*

Perubahan Akhlak Saudara Kita Selepas Memeluk Islam di Johor

*Nur Najwa Hanani Abd Rahman, Mohd Farhan Ahmad, Noraishah P Othman,
Siti Fairuz Sujak & Luqmanulhakim Ab Rahman... 969*

Dakwah Melalui Media Sosial: Penerimaan dalam Kalangan
Warga IPD Setiu, Terengganu

*Azman Che Mat, Khairul Azhar Abd. Karim, Azarudin Awang,
Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat &
Ahmad Zulfadhli Nukman... 987*

ISLAM AND COMMUNICATION

Akhlak Terbina Komunikasi Sempurna

*S.Salahudin Suyurno, Mohammad Taufik Md Sharipp, Mohd Shafie Ayub,
Mohd Zaid Mustafar & Mohd Zin Junoh ... 997*

Aplikasi Syarat Kesihatan Hadith terhadap Model Komunikasi Berkesan

*Muhammad Taufik Md Sharipp, Muhammad Faidz Mohd Fadzil, Mohd Zaid
Mustafar, Mohd Khairul Nizam Mohd Aziz & S Salahudin Suyurno ... 1005*

Komunikasi IntraPersonal dalam Dialog antara Agama:

Pengalaman Saudara Baru

*Azarudin Awang, Che Zuina Ismail, Azman Che Mat, Noor, Hasyimah Sulaiman
& Wan Noor Hazlina Wan Jusoh ... 1015*

Pembangunan dan Pengesahsahihan Instrumen *Manhaj Rabbāniyyah* sebagai
Indikator Komunikator Islam

*Muhammad Taufik Md Sharipp, S Salahudin Suyurno, Mohamad Shafiei Ayub,
Abdul Raf Ridzuan & Mariam Farhana Md Nasir ... 1023*

Media Baharu dan Budaya Popular Islam: Peranan dan Realiti

*Aini Faezah Ramlan, S Salahudin Suyurno, Muhamad Shafie Ayub, Rosilawati
Sultan Mohideen & Abdul Qayyum Abd Razak ... 1031*

Unsur-unsur Takmilah dalam Filem Islam

Mohamad Shafiei Ayub, Muhammad Taufik Md Sharipp, Aini Faezah Ramlan, Abdul Qayyum Abdul Razak, S Salahudin Suyurno & Ahmad Faiz Ahmad Ubaidah ... 1037

ISLAMIC EDUCATION DEVELOPMENT

Gagasan Madrasah Al-Zahra': Penubuhan Universiti Islam di Akhir Kerajaan Turki Uthmani

Mohd Nasir Ayub, Surita Hartini Mat Hassan, Muaz Mohd Noor, Noor Hidayah Kasim & Rafidah Amat ... 1055

Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas

Siti Suriyani Sulaiman ... 1071

Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Pencapaian Pelajar Bahasa Arab

Azman Che Mat, Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Azarudin Awang, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat & Ahmad Zulfadhli Nukman ... 1087

Perlaksanaan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital bagi Kursus CTU 281: Kesan terhadap Prestasi Akademik dan Motivasi Diri Pelajar Grafik di UiTM Alor Gajah

Ilinadia Jamil, Azahar Harun, Fatrisha Mohamed Yusoff, Nor Yus Shahirah Hassan & Fazlina Mohd Radzi ... 1095

Analisis Kerelevanan Kurikulum Kursus Pemikiran dan Tamadun Islam (CTU151) terhadap Pelajar di UiTM

Rubiah Abu Bakar, Che Zuina Ismail, Azarudin Awang & Noor Hasyimah Sulaiman ... 1107

Hadith's Source of Reference Finder Browser Extension

Mohamad Hafiz Khairuddin, Nur Azalizana Ahmad Saru, Mohd Hafifi Mohd Supir, Anwar Farhan Zolkeplay & Mohd Taufik Mishan... 1117

Peranan IPTA dan IPTS dalam Menerapkan Pendidikan al-Quran di dalam Kurikulum sebagai Kursus Teras bagi Semua Pelajar Islam di Malaysia: Kajian Awal di Beberapa Buah IPT di Malaysia

Nor Ashiqeen Jamaluddin, Raihana Farahiyah Abdul Rahman, Sulaiman Shakib Mohd Noor & Mohd Nazir Kadir... 1127

Hukum Kanun Brunei dan Hukum Kanun Melaka: Suatu Ristaan Sejarah
Haji Dzulkiflee Haji Abdul Latif... 1143

جهود علماء المسلمين في مجال الطب وأثره على الحضارة الإنسانية

1155 ... د. محمد مرسلين محمد إسماعيل



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

Foreword

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmanirrahim. All praise to Allah SWT. Blessing and Prayers be upon Prophet Muhammad SAW, and also to his family members, kindred's, companions and his followers who adhere faithfully to his teaching.

I would like to express my gratitude for this invitation to write a few words in conjunction of this proceeding. Heartiest congratulations go to the organizers of the 2nd International Islamic Heritage Conference 2017 (2nd IsHeC2017) that was held on 14th – 15th November 2017. Congratulations also to the editors for their efforts in publishing the articles presented at the 2nd IsHeC2017.

Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017 is a very noble effort as it adds to the corpus of literature on Islamic based research in various disciplines of knowledge. I hope that this proceeding can be a catalyst for the germination and strengthening of Islamic knowledge.

Finally, I wish to extend my sincere appreciation to all parties involved in the publication of this proceeding especially Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) UiTM Melaka, Center for Islamic Philanthropy and Social Finance (CIPSF), Pusat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (PJI & A) UiTM Melaka and the authors for their contribution.

DATUK PROF. MADYA SABARIAH MAHAT

Rektor,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka,
Alor Gajah, Melaka.



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

Preface

In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful. All praise is due to Allah SWT, the Almighty. We all praise Him, seek His Help, and ask for His Forgiveness. We seek refuge with Him from the evil of our souls, and from our sinful deeds. He whom Allah SWT guides, no one can misguide him, and whoever Allah SWT misguides, no one can guide him. Blessings and prayers upon His Messenger Prophet Muhammad SAW. We would like to express our thorough and sincere gratefulness to Allah the Almighty, who has given us the opportunity to write, edit and complete the *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017*.

We wish to extend our appreciation to YBhg. Datuk Associate Professor Sabariah Hj. Mahat, Rector of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Melaka for her full encouragement in ensuring the success of the 2nd IsHeC2017 and also the publication of this proceeding. Special thanks to YBrs. Associate Professor Dr. Shafinar Ismail, Deputy Rector of Research and Industrial Linkage UiTM Cawangan Melaka for her continuous support in 2nd IsHeC2017.

A great deal of appreciation also goes to the Center for Islamic Philanthropy and Islamic Finance (CIPSF), Uni-Charity Society, ACIS UiTM Cawangan Melaka and UiTM Press for their tremendous effort in making the 2nd IsHeC2017 a success.

This proceeding comprises the articles that were presented in 2nd IsHeC2017 which held on 14 hingga 15 November 2017 at Avillion Hotel Melaka.

Hopefully, the *Proceeding of 2nd International Islamic Heritage Conference 2017* will give a clearer view of various contemporary issues in Islamic-based research in this country and the Muslim world as a whole. Finally, we hope that this proceeding may inspire and motivate its readers in initiating attempts and contributions for the sake of Muslim ummah.

MOHD FAIZAL P. RAMELI
ABDUL QAYUUM ABDUL RAZAK
MUHAMAD TAUFIK MD SHARIPP
MOHD ZAID MUSTAFAR
MOHD KHAIRUL NIZAM MOHD AZIZ
RAWI NORDIN
S. SALAHUDIN SUYURNO
DZIAUDDIN SHARIF

Editor

Proceeding of 2nd Islamic Heritage Conference (ISHEC 2017)



2nd International Islamic
Heritage Conference 2017

PERANAN LAMAN FACEBOOK DALAM PENYAMPAIAN MAKLUMAT PENGURUSAN PUSAKA

Mohd Khairy Kamarudin, Mohd Hafizie Suhaimi & Nasrul Hisyam Nor
Muhamad

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana media sosial menyampaikan maklumat berkaitan pengurusan pusaka di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis tema. Sampel kajian ialah „laman“ Facebook yang mempunyai ramai „likers“. Terdapat empat tema yang didapati iaitu „maklumat penganjuran aktiviti“, „maklumat am“, „pengiklanan perkhidmatan“ dan „panggilan untuk maklum balas“. Kajian ini mendapati „laman“ Facebook yang dibangunkan kurang menekankan maklumat penganjuran aktiviti dan maklumat am berkaitan pengurusan pusaka. „Laman“ tersebut juga tidak dikongsikan kerap dan jarak antara satu pos dengan satu pos yang lain terlalu jauh. Kajian ini mencadangkan pemilik „laman“ Facebook tersebut perlu mengemaskini aktiviti mereka dan menggunakan FBads dalam memberikan maklumat berkaitan pengurusan pusaka.

Kata kunci: Pengurusan pusaka, media sosial, FBads, Facebook, Likers, Paparan

PENGENALAN

Pengurusan pusaka merupakan perkara yang sangat kritikal kerana senario hari ini dengan melihat *trend* jumlah harta pusaka yang tidak dituntut semakin meningkat. Berdasarkan rekod pada 2005, dianggarkan sebanyak 900,000 geran tanah masih nama si mati (Abdul Rashid, 2005; Md Azmi & Mohammad, 2015). Pada tahun 2007, jumlah pusaka yang terbeku mencecah sehingga RM40 bilion (Utusan Malaysia, 2007). Manakala berdasarkan statistik pada 2009, jumlah harta alih berjumlah RM31 juta, masih tersimpan di Amanah Raya Berhad (ARB) (Abdul Rahim, 2009). Tahun 2014 pula, dianggarkan terdapat lebih 1 juta kes pusaka yang bernilai lebih RM52 bilion yang belum dapat diselesaikan (Sabirin, 2014) dan jumlah tersebut telah meningkat kepada RM60 bilion pada 2016 (I. H. Aziz, 2016). Hal ini menunjukkan satu *trend* yang membimbangkan kerana waris-waris tidak dapat menikmati harta pusaka yang ditinggalkan dan pihak kerajaan perlu menanggung kerugian dari segi kutipan cukai.

Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan jumlah harta pusaka terbeku ialah pengabaian waris terhadap proses tuntutan, kurang pengetahuan tentang proses tuntutan pusaka dan bayaran yang tinggi untuk menuntut pusaka. Pengabaian waris terhadap proses tuntutan kerana mereka berpandangan tuntutan pusaka merupakan perkara yang rumit kerana melibatkan pelbagai agensi. Malah dalam terdapat dalam kalangan waris yang tidak berpuas hati kaedah pusaka dibahagikan. Waris-waris juga tidak mempunyai pengetahuan yang banyak terhadap proses tuntutan pusaka. Mereka hanya berpandukan maklumat dari mulut ke mulut sahaja tanpa mendapatkan maklumat yang tepat dari pihak yang

sepatutnya (Md Azmi & Mohammad, 2015; Noordin, Shuib, Zainol, Azam, & Adil, 2012; Zulkafli & Ahmad, 2016).

Kesan daripada harta pusaka yang terbeku ini, menyumbang kepada peningkatan tanah-tanah yang terbiar dan tidak dibangunkan (Mujani, Wan Hussain, Yaakub, & Abdul Rashid, 2011; Omar, Md Yusof, & A. Manaf, 2014; Sinar Harian, 2015). Waris-waris tidak dapat menikmati sebarang hasil daripada harta tersebut sama ada hasil daripada pembangunan atau penjualan harta tersebut. Kesan tanah terbiar juga ini menyumbang kepada kesukaran untuk mendapatkan insentif-insentif kewangan dari agensi-agensi yang berautoriti sekali gus merugikan pemilik tanah untuk membangunkan tanah berkenaan (Azima & Ismail, 2011; Mohd Shafiai & Moi, 2015).

Bagi mengatasi masalah ini, Zulkafli & Ahmad, (2016) mencadangkan supaya pendedahan kepada masyarakat perlu diperluaskan melalui pelbagai media masa yang terkini. Media masa memudahkan sesuatu maklumat disebarkan khususnya media sosial yang berperanan penting sebagai salah satu alat komunikasi (Mior Kamarulbaid, Ridzuan, Abdullah, Hamdan, & Bakar, 2015) yang interaktif dan efektif (Mustafa, 2013). Walaupun media sosial memainkan peranan dalam penyebaran maklumat, kajian berkaitan peranan media sosial dalam penyebaran maklumat berkaitan pengurusan pusaka masih terhad. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana media sosial berperanan dalam menyampaikan maklumat berkaitan pengurusan pusaka di Malaysia.

Kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian iaitu bahagian pengenalan membincangkan *trend* harta pusaka terbeku dan objektif kajian. Bahagian kedua ialah ringkasan proses tuntutan pusaka selepas kematian. Bahagian ketiga ialah fungsi media sosial dalam penyebaran maklumat. Bahagian keempat pula ialah metodologi kajian. Bahagian kelima ialah dapatan dan perbincangan kajian dan bahagian terakhir merupakan kesimpulan kajian.

PENGURUSAN PUSAKA DI MALAYSIA

Dalam menuntut pusaka, terdapat beberapa agensi yang mempunyai bidang kuasa yang tersendiri. Hal ini bergantung pada jumlah pusaka yang ditinggalkan, berwasiat atau tidak berwasiat dan jenis harta pusaka. Terdapat tiga agensi yang utama iaitu (1) Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanda dan Galian (P), (2) Amanah Raya Berhad dan (3) Mahkamah Sivil.

Unit Pembahagian Pusaka Kecil mempunyai kuasa untuk menguruskan harta pusaka si mati yang tidak mempunyai wasiat dan tidak melebihi RM2,000,000. Jenis harta pula terdiri daripada harta tidak alih sahaja atau campuran harta alih dan tidak alih (Zulkafli & Ahmad, 2016). Undang-undang yang diguna pakai bagi pusaka kecil ialah Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) pindaan 2008 [Akta 98] (Disa, 2009; Noordin, Shuib, Zainol, & Mohamed Adil, 2011; Wan Harun, 2009). Bagi penyelesaian di Pejabat Pusaka Kecil ini, waris-waris perlu kemukakan dokumen yang berkaitan pusaka seperti geran tanah dan buku akaun, surat mati, mengumpulkan semua ahli waris dan menjalani proses bicara kuasa (B. Aziz, 2015; Md Azmi & Mohammad, 2015).

Berdasarkan Seksyen 17(1) Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995, Amanah Raya Berhad berkuasa untuk mengeluarkan Surat Kuasa dalam bentuk akuan bagi aset alih yang bernilai tidak melebihi RM600,000. Manakala Seksyen 17(2) Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995 membenarkan ARB untuk mengeluarkan Surat Kuasa dalam bentuk Arahan untuk mengarahkan pembayaran kepada waris yang berhak. Waris-waris hanya perlu mengemukakan arahan berkenaan kepada mana-mana institusi kewangan untuk menerima bayaran (Amanah Raya Berhad, 2017).

Mahkamah Tinggi Sivil pula mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes pusaka yang mempunyai wasiat. Jumlah harta pula sama ada lebih daripada RM2,000,000 atau kurang. Jika tidak mempunyai wasiat, jumlah harta yang dibicarakan hanya melebihi RM2,000,000. Jenis harta boleh terdiri daripada ada harta alih sahaja, harta tidak alih sahaja atau gabungan kedua-dua sekali (Zulkafli & Ahmad, 2016). Bagi harta yang mempunyai wasiat, permohonan dibuat oleh Wasi atau Pemegang Amang yang telah dilantik di dalam wasiat untuk mendapatkan Geran Probet. Geran Probet diperlukan untuk menuntut harta pusaka. Jika harta tidak mempunyai wasiat, waris-waris perlu mendapatkan Pentadbir (*Administrator*) dan mendapat kebenaran bertulis daripada semua ahli waris. Pentadbir yang dilantik perlu memohon Surat Kuasa Mentadbir (*Letters of Administration*). Pada masa yang sama, Pentadbir perlu kemukakan dua orang penjamin. Selepas Surat Kuasa Mentadbir dikeluarkan, barulah Pentadbir dapat menuntut harta pusaka si mati (Samori, Khalid, Yaakob, Harun, & Abdul Hamid, 2016).

PERANAN SOSIAL MEDIA DALAM PENYEBARAN MAKLUMAT

Media sosial merupakan alat interaksi yang boleh menarik perhatian orang lain untuk melihat dan mengenal pasti maklumat sesuatu perkara. Media sosial telah menjadi *trend* dan medium untuk mempromosikan perkhidmatan dan produk yang berkenaan dengan perniagaan. Malah, penggunaan media sosial yang efektif dapat membantu sesuatu organisasi dalam mencapai matlamatnya (Melchiorre & Johnson, 2017). Menurut Nurdin, Chan, Selvadurai, & Ishak, (2014), komunikasi merupakan medium untuk menjadikan seluruh kegiatan pemasaran atau promosi perusahaan dapat menghasilkan keluaran yang konsisten bagi perniagaan. Melalui penggunaan media sosial ini, pembentukan hubungan perniagaan dengan pelbagai pihak dari keluarga, rakan, pelanggan, atau agen harus terjalin untuk menambahkan lagi rangkaian dalam usaha menyebarkan maklumat dengan menggunakan medium ini. Malah Ismail, (2017) mendapati pemasaran melalui media sosial dapat membantu pemasar untuk membangunkan kesetiaan, kesedaran dan nilai terhadap sesuatu jenama.

Tingkah laku inovatif oleh pemilik laman media sosial dalam membentuk hubungan sosial yang baik dengan pelbagai pihak berkepentingan yang berkenaan telah dapat membina reputasi dan maklum balas yang baik (Suhaimi & Shiratuddin, 2013). Hubungan sosial turut dianggap penting dalam penyebaran maklumat dalam talian terutama dari segi pembentukan reputasi yang baik terhadap sesuatu organisasi dan hubungan perniagaan yang memanfaatkan


dengan ejen perniagaan (Mustafa & Hamzah, 2011). Hal ini disebabkan pemasaran melalui sosial media merupakan konsep antara disiplin (*interdisciplinary*) dan merentas fungsi (*cross-functional*) dengan menggunakan sosial media untuk mencapai matlamat organisasi dengan mencipta nilai bagi pihak-pihak yang berkepentingan (Reto, Rauschnabel, & Hinsch, 2016). Sosial media juga mengalami perkembangan dan perubahan yang pantas melalui pembangunan teknologi-teknologi baru dan gelagat-gelagat pengguna media sosial (Keegan & Rowley, 2017), dan membolehkan sesebuah syarikat mengiklankan barangan, berurusan, mendapatkan pelanggan dan menikmati faedah hubungan sosial kepada segmen pelanggan yang utama (Pinto & Yagnik, 2017).

Pendekatan media sosial menjadi fenomena dan penting kepada peningkatan tahap populariti laman media sosial yang dibangunkan. Peningkatan pengikut atau "*likers*" menerusi media sosial sememangnya boleh diguna pakai oleh pembangun laman media sosial bagi memastikan aktiviti penyebaran maklumat dapat dipertingkatkan. Secara tidak langsung perkara ini dapat memberikan kesan positif kepada imej sesuatu organisasi itu sendiri. Elemen penyebaran maklumat ini memberi panduan kepada pembangun laman media sosial khususnya untuk mengoptimumkan penggunaan media sosial sebagai platform penyebaran maklumat yang lebih berdaya saing (Vitkauskaite, 2011). Oleh sebab itu, kehadiran dan kewujudan organisasi dalam platform media sosial adalah suatu keperluan dalam era digital kerana memberikan peluang kepada mereka untuk berhubungan lebih dekat dengan komuniti Internet (Stonehocker, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis tema. Sampel kajian ialah laman (*page*) di *Facebook* kerana penggunaan *Facebook* di Malaysia adalah sangat tinggi iaitu secara purata sebanyak 1,269,535 pengguna (*socialbakers.com*, 2017). Kajian ini memulakan kajian pada 12 Jun 2017 dengan penyelidik daftar masuk (*log in*) di *Facebook* menggunakan akaun khas bagi tujuan penyelidikan. Penyelidik membuat carian (*search*) di *Facebook* dengan menggunakan kata kunci "Pengurusan Pusaka" dan memilih pada laman paling popular dengan mempunyai ramai "*likers*" Kajian ini menganalisis kandungan yang terdapat dalam paparan (*post*) di laman dengan meliputi perkara yang dibincangkan dan kekerapan *post* dari 2016 hingga 2017. Dapatan daripada maklumat yang diperolehi dari laman tersebut dikod dan dibahagikan mengikut tema. Tema tersebut akan dianalisis dari segi maklumat perkongsian, bilangan "*likers*" dan tarikh bagi sesuatu paparan.

Rajah 1: Carta Alir Metodologi Kajian



DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini mendapatkan lima laman Facebook dan mengkategorikan laman tersebut kepada Laman A, Laman B, Laman C, Laman D dan Laman E. Manakala bagi tema, kajian membahagikan tema kepada empat iaitu maklumat pengajuran aktiviti, maklumat am, pengiklanan perkhidmatan dan panggilan untuk maklum balas. Secara umumnya, Laman A merupakan laman yang paling popular kerana mempunyai 4,577 orang “likers”, diikuti oleh Laman B (705), Laman C (310), Laman D (118) dan Laman E (52).

Berdasarkan tema maklumat pengajuran aktiviti, hanya Laman A sahaja yang menganjurkan banyak aktiviti berkaitan pengurusan pusaka iaitu kursus asas urus rancang harta pusaka efektif, dialog hibah bersyarat khas untuk perunding

keuangan, kempen kesedaran urus harta pusaka dan kuliah Maghrib. Manakala Laman B dan Laman C masing-masing menganjurkan Mesyuarat pengurusan kes-kes di Mahkamah dan HR Week 2017. Kajian ini mendapati mesyuarat pengurusan kes-kes di Mahkamah mempunyai bilangan “likers” yang paling ramai iaitu sebanyak 10 “likers”.

Bagi maklumat Am, kebanyakan laman tertumpu pada pengiraan faraid iaitu Laman A, Laman D dan Laman E. Terdapat juga perkara lain yang dibincangkan iaitu berkenaan penama, anak angkat, Takaful, anak tidak sah taraf, pengurusan harta pusaka, pindah milik, Surat Kuasa Tadbir, Perintah Pembahagian dan hibah rumah dalam pinjaman. Bilangan “likers” tertinggi pula ialah sebanyak 14 “likers”.

Pengiklanan perkhidmatan pula, kajian ini mendapati Laman A menawarkan pendaftaran perkhidmatan pusaka dengan mempunyai 14 “likers”. Manakala Laman B menawarkan dokumen wasiat hibah dengan satu “likers” sahaja. Manakala panggilan untuk maklum balas, hanya Laman A sahaja yang memberi nama, no telefon, email dan blog. Manakala laman B boleh dihubungi dengan *Whatapps*. Laman C dan Laman E pula hanya *Private Message* di laman *Facebook* tersebut. Bagi Laman D, mereka boleh dihubungi melalui nombor telefon dan “hashtag”.

Kekerapan pos adalah berdasarkan kepada nilai bintang iaitu bermula dari satu bintang (lemah) sehingga lima bintang (sangat baik). Berdasarkan kepada pemerhatian yang dibuat, Laman A mempunyai kekerapan pos yang sangat tinggi iaitu lima bintang. Laman B dan Laman C mempunyai hasil dapatan kekerapan pos sebanyak tiga bintang dan diikuti Laman D yang memperoleh dua bintang. Bagi Laman E, kajian mendapati kekerapan pos yang diperoleh adalah hanya satu bintang sahaja.

Kajian ini mendapati laman *Facebook* yang dibangunkan kurang menekankan kepada maklumat penganjuran aktiviti yang ditawarkan. Penganjuran aktiviti perlu dikemas kini bagi memastikan pengunjung laman *Facebook* sentiasa dibekalkan dengan maklumat dan aktiviti yang terkini. Manakala aktiviti yang dianjurkan pula lebih tertumpu pada pengurusan pusaka sahaja. Kekerapan penganjuran aktiviti yang rendah membolehkan pengunjung tidak berminat untuk mengikuti laman *Facebook* tersebut. Malah perkongsian berkaitan maklumat am pusaka juga tidak dikongsikan dengan kerap dan jarak masa antara satu pos juga terlalu jauh. Seharusnya pemilik laman perlu mengemaskini paparan dengan memberikan maklumat yang terkini (Pinto & Yagnik, 2017). Pihak yang berkepentingan dalam pengurusan pusaka juga seharusnya mengambil peluang dalam mempromosikan maklumat berkaitan pusaka kerana *Facebook* mampu menyediakan platform perkongsian yang merentasi sempadan seperti mana yang dicadangkan oleh Melchiorre & Johnson, (2017) dan Reto, Rauschnabel, & Hinsch, (2016).

Berkenaan jumlah “likers” yang diperoleh pada setiap pos yang dipaparkan adalah berkaitan dengan teknik penulisan ayat pos yang menarik. Penggunaan teknik ayat pos yang kurang menarik menyebabkan bilangan “likers” pada setiap pos adalah rendah. Oleh itu, pengurusan maklumat yang sistematik dan efisien

perlu diterapkan oleh pembangun laman *Facebook* berkenaan supaya berlaku peningkatan jumlah “*likers*” pada setiap pos (Rehman, Ilyas, Nawaz, & Hyder, 2014).

Kajian ini juga mencadangkan penggunaan FBads bagi memastikan maklumat pengurusan pusaka mendapat perhatian daripada komuniti Internet. Hal ini disebabkan bilangan “*likers*” bagi setiap laman *Facebook* yang dikaji mempunyai jurang yang terlalu tinggi iaitu Laman A seramai 4,577 “*likers*”, manakala Laman B yang merupakan laman kedua yang popular berkaitan pengurusan pusaka hanya mempunyai 705 “*likers*” sahaja. Perkara ini menunjukkan terdapat kelompangan yang sangat besar disebabkan Laman A mempunyai pakej maklumat yang begitu baik termasuk aktiviti, pengiklanan dan kepelbagaian panggilan untuk maklum balas yang memudahkan pengunjung untuk mencapai maklumat dengan begitu mudah.

FBads secara tidak langsung akan meningkatkan kebolehlihatan yang tinggi supaya komuniti Internet mendapat maklumat berkenaan dengan pantas, murah dan fleksibel. Menurut Carter & Levy, (2012), pemasaran *Facebook* mempunyai teknik yang berkelas tersendiri kerana dari segi aspek perhubungannya terus ke hati pelanggan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh sesuatu pembangun laman perniagaan. Tambahan lagi, spesifikasi yang tepat membolehkan maklumat produk atau perkhidmatan yang diiklankan di platform ini, memilih secara tepat kehendak pelanggan itu sendiri. Di samping itu, pemasaran *Facebook* mempunyai radius sosial yang berpotensi tular luar biasa bagi menghasilkan pulangan kewangan menerusi interaksi internet (Samsudin, 2010). Pihak *Facebook* juga menawarkan pilihan yang banyak kepada pengguna untuk mengiklankan sebarang maklumat kepada pengguna individu (Broeck, Poels, & Walrave, 2017). Hal ini secara tidak langsung dapat menyebarkan maklumat berkaitan pengurusan pusaka.

Jadual 1: Dapatan Kajian Melalui Analisis Tema

Laman	Jumlah Likers (12 Jun 2017)	Maklumat penganjuran aktiviti	Bilangan Likers	Maklumat Am	Tema			Kekurangan pos	
					Bilangan Likers	Pengaliran perkhidmatan	Bilangan Likers		Pengaliran untuk maklum balas
Laman A	4,577	Kursus asas urus rancang harta pusaka efektif (15 Februari 2017)	4	Pemana Farid Anak angkat Insurans Takatul Anak tidak sah taraf (1 Februari 2017)	5	Pendaftaran perkhidmatan pusaka. (8 Januari 2017)	14	Nama No telefon email blog	☺☺☺☺☺
		Dialog hibah beryarat khas untuk perunding kewangan (13 Februari 2017)	1	Pengiraan keraid (9 Januari 2017)	9				
		Kempen Kesedaran urus harta pusaka (20 Disember 2017)	3	Isu pengurusan harta pusaka (8 Januari 2017)	14				
		Kuliah Magnum "Harta Pusaka atau Pusaka" (31 Oktober 2016)	5	Pindah milik (25 Oktober 2016)	8				
Laman B	705	Mesyuarat pengurusan kes-kes di Mahkamah (15 Julai 2016)	10			Dokumen Wasiat hibah (5 Januari 2017)	1	Phatcopy	☺☺☺
Laman C	310	HR weak 2017 (8 Mac 2017)	8					Private Message	☺☺☺
Laman D	118							No telefon Hashtag	☺☺
								Hibah rumah dalam pujian (24 Ogos 2016)	
								Pengiraan keraid (21 Julai 2016)	
Laman E	52							Pengiraan keraid (18 Julai 2016)	☺
								Maksud keraid (16 Julai 2016)	

KESIMPULAN

Maklumat berkaitan pengurusan pusaka sangat penting untuk mengurangkan harta pusaka jumlah harta pusaka yang tidak dituntut. Maklumat pengurusan pusaka boleh mudah didapati melalui penggunaan media massa. Tambahan lagi, kecanggihan teknologi pada masa kini telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan media massa khususnya media sosial. Namun begitu, kajian ini mendapati bilangan *likers* bagi laman Facebook yang dibangunkan adalah rendah dan tahap kebolelihatannya tidak optimum. Hal ini disebabkan laman Facebook tersebut tidak menarik kerana maklumat yang dibekalkan adalah kurang dan tidak dikemaskini. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan supaya penggunaan FBads dan teknik penyampaian maklumat yang baik perlu ditekankan bagi memastikan tahap kebolelihatan dan populariti sesebuah laman Facebook dimaksimumkan.

RUJUKAN

- Abdul Rahim, T. (2009, May 2). RM31 j harta pusaka masih tidak dituntut. *Utusan Malaysia*. Abdul Rashid, R. (2005, April 1). 900,000 hak milik tanah “kepunyaan orang mati.” *Berita Harian*.
- Amanah Raya Berhad. (2017). Pentadbiran pusaka. Retrieved July 25, 2017, from <https://www.amanahraya.my/ms/pentadbiran-pusaka/#>
- Azima, A. M., & Ismail, O. (2011). Idle agriculture land resources management and development - An institutional causes: A case study in Malaysia. *Interdisciplinary Journal of Research in Business*, 1(August), 21–27.
- Aziz, B. (2015). Aplikasi hibah di pejabat pusaka kecil. In *Prosiding Seminar Hibah dalam Pengurusan Harta Islam 2015*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Aziz, I. H. (2016, March 29). RM60b harta umat Islam tidak dituntut. *Berita Harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/node/138450>
- Broeck, E. Van den, Poels, K., & Walrave, M. (2017). A factorial survey study on the influence of advertising place and the use of personal data on user acceptance of Facebook Ads. *American Behavioral Scientist*, 276421771756.
- Carter, B., & Levy, J. (2012). *Facebook marketing* (3rd ed.). Indianapolis, United States of America: QUE.
- Disa, M. N. (2009). Penyelarasan undang-undang pewarisan: Isu dan penyelesaiannya. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 189–215.
- Harta pusaka tidak dituntut cecah RM40b. (2007, July 11). *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0711&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm&arc=hive
- Harta pusaka tidak dituntut mencecah angka RM60 bilion. (2016, February 1). *Utusan Malaysia*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/harta-pusaka-tidak-dituntut-mencecah-angka-rm60-bilion-1.185501>

- Ismail, A. R. (2017). The influence of perceived social media marketing activities on brand loyalty. *Asia Pacific Journal of Marketing and Logistics*, 29(1), 129–144. <http://doi.org/10.1108/APJML-10-2015-0154>
- Keegan, B. J., & Rowley, J. (2017). Evaluation and decision making in social media marketing. *Management Decision*, 55(1), 15–31.
- May 2017 Social Marketing Report Malaysia. (2017). Retrieved June 21, 2017, from <https://www.socialbakers.com/resources/reports/malaysia/2017/may/>
- Md Azmi, F. A., & Mohammad, M. T. S. (2015). A proposal for a single tribunal of estates distribution in Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 75(10), 103–109.
- Melchiorre, M. M., & Johnson, S. A. (2017). Finding new ways to reach older students: Creating a social media marketing plan for professional and continuing higher education programs. *The Journal of Continuing Higher Education*, 65(2), 73–81.
- Mior Kamarulbaid, A., Ridzuan, A. R., Abdullah, S. N. F., Hamdan, E., & Bakar, M. H. (2015). Kesan penggunaan media sosial terhadap perpaduan ummah di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. In H. Bahrom, S. S. Suyurno, & A. Q. Abdul Razak (Eds.), *1st International Islamic Heritage Conference (IsHeC 2015)* (pp. 620–626). Alor Gajah, Melaka: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Mohd Shafiai, M. H., & Moi, M. R. (2015). Financial problems among farmers in Malaysia: Islamic agricultural finance as a possible solution. *Asian Social Science*, 11(4), 1–16.
- Mujani, W. K., Wan Hussain, W. M. H., Yaakub, N. I., & Abdul Rashid, R. (2011). Constructions of failure and delay under Islamic estate management. *International Business Management*, 5(6), 326–330.
- Mustafa, S. E. (2013). Media sosial di Malaysia dan Indonesia: Penggunaannya sebagai alat komunikasi, kolaborasi dan jaringan digital. *Malaysian Journal of Media Studies*, 15(2), 71–85. Retrieved from http://jpmmm.um.edu.my/filebank/published_article/6796/06JPMMM_2013_No_2.pdf
- Mustafa, S. E., & Hamzah, A. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Malaysian Journal of Media Studies*, 13(2), 93–110.
- Noordin, N., Shuib, A., Zainol, M. S., Azam, M., & Adil, M. (2012). Review on issues and challenges in Islamic inheritance distribution in Malaysia. *OIDA International Journal of Sustainable Development*, 3(12), 27–38.
- Noordin, N., Shuib, A., Zainol, M. S., & Mohamed Adil, M. A. (2011). Problem to petition rights to the Islamic inheritance - Practical solution found elsewhere than the legal system of Malaysia. *PERINTIS E-Journal*, 1(December), 44–60.
- Nurdin, G., Chan, G. K. L., Selvadurai, S., & Ishak, S. (2014). Hubungan sosial dan perniagaan kecil-kecilan di Malaysia - Tingkah laku inovatif usahawan wanita atas talian. *Geografia: Malaysia Journal of Society and Space*, 10(6), 206–218.

- Omar, I., Md Yusof, A., & A. Manaf, F. (2014). The economic transformation of waqf lands in malaysia – a structure and agency approach. *International Journal of Business, Economics and Law*, 5(3), 1–11.
- Pinto, M. B., & Yagnik, A. (2017). Fit for life: A content analysis of fitness tracker brands use of Facebook in social media marketing. *Journal of Brand Management*, 24(1), 49– 67.
- Rehman, F. U., Ilyas, M., Nawaz, T., & Hyder, S. (2014). How Facebook Advertising affects buying behavior of young consumers: The moderating role of gender. *Academic Research International*, 5(4), 395–404.
- Reto, F., Rauschnabel, P. A., & Hinsch, C. (2016). Elements of strategic socialmediamarketing: A holistic framework. *Journal of Business Research*, 9085(May), 9.
- Sabirin, A. (2014, January 20). Umat Islam rugi berbilion ringgit kerana harta pusaka. *UtusanMalaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140120/ek_04/Umat-Islam-rugi-berbilion-ringgit-kerana-harta-pusaka
- Samori, Z., Khalid, M. M., Yaakob, M. A. Z., Harun, H. M. F., & Abdul Hamid, N. (2016). Towards managing the beneficiaries rights via writing a will. *Global Journal of Management and Business Research: G Interdisciplinary*, 3(1), 23–29.
- Samsudin, N. A. (2010). *Rahsia pemasaran facebook* (4th ed.). Seri Kembangan, Selangor: True Wealth Sdn Bhd.
- Stonehocker, A. (2010). Why and how to market your business through social media. *The Enterprise*, 15–21.
- Suhaimi, M. F., & Shiratuddin, N. (2013). Penggunaan media sosial: Elemen kebolehlihatan usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS). In *Prosiding PERKEM VIII* (pp. 1511–1520).
- Tanah terbiar bermasalah hak milik. (2015, September 8). *Sinar Harian*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/edisi/perak/tanah-terbiar-bermasalah-hak-milik-1.428514>
- Vitkauskaita, E. (2011). Cultural adaption issues in social networking sites. *Economics & Management*, 16, 1348–1355.
- Wan Harun, W. A. H. (2009). Isu-isu Pembahagian Harta Pusaka Orang Islam Dalam Konteks Perundangan Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 159–187.
- Zulkafli, B. N. A., & Ahmad, M. Y. (2016). Kekangan dan penyelesaian kelewatan pengurusan aset pusaka tak alih orang Islam di Malaysia. *Islamiyyat*, 38(1), 53–63.